

Headline	UMNO Kedah kesal tindakan Kerajaan Negeri naikkan cukai tanah	Language	Malay
Date	16 Apr 2011	Page No	U7
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)	Article Size	225 cm²
Section	NEWS	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	900
Frequency	Daily	PRValue	2,700
Circ / Read	60,000 /		



UMNO Kedah kesal tindakan Kerajaan Negeri naikkan cukai tanah

JERLUN - UMNO Kedah kesal terhadap tindakan Kerajaan Negeri yang menaikkan cukai tanah kawasan Universiti Utara Malaysia (UUM) sehingga 10 kali ganda, berbanding ketika negeri ini ditadbir kerajaan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, tindakan itu adalah tidak wajar kerana membebankan pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT), di mana sebelum ini cukai tanah yang dikenakan sekitar RM100,000 setahun.

"Pihak UUM memaklumkan pada saya bil cukai tanah terbaru yang diterima UUM kini RM1.2 juta. Jika Kerajaan Negeri berhasrat untuk tambah pendapatan sekalipun, jangan pula bebankan IPT kerana kewujudan IPT di kawasan itu memberi banyak kelebihan kepada negeri," katanya pada media selepas melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Persatuan Franchais Malaysia (MFA) bersama Wanita UMNO Jerlun.

Menurutnya, Kerajaan Negeri harus

bertolak ansur dan memberi kelonggaran pada IPT, atau sekiranya mahu menaikkan cukai tanah sekalipun, pastikan masalah bekalan air di UUM yang sekian lama dihadapi warga UUM diatasi terlebih dahulu.

"UUM kini dalam proses meletakkan diri sebagai antara 500 universiti terbaik dunia, jika masalah seperti ini berlarutan boleh menjejaskan nama baik UUM. Sampai bila penuntut UUM perlu angkut air dari lori tangki setiap hari sedangkan universiti ini bertaraf antarabangsa," katanya.

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

UMNO Kedah kesal tindakan Kerajaan Negeri naikkan cukai tanah
16 Apr 2011
Sinar Harian (Utara)
NEWS
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
U7
225 cm²
Black/white
900
2,700

Mukhriz berkata, pihaknya turut kecewa apabila Syarikat Air Darul Aman (Sada) menghentikan perkhidmatan pejabat pos sebagai agen kutipan bayaran bil Sada kerana menyusahkan banyak pihak, terutama penduduk pedalaman.

"Keputusan itu tidak tepat kerana timbulkan masalah pada rakyat. Mungkin Kerajaan Negeri mahu jimat kos tapi pada masa sama bebaskan rakyat, sehingga ada aduan diterima mengatakan penduduk terpaksa membayar kos pengangkutan melebihi bil air," katanya.

Menurutnya, tindakan tidak masuk akal itu perlu dikaji semula sekiranya Kerajaan Negeri tidak mahu hilang sokongan pengundi pada masa akan datang.

"Masalah bekalan air belum selesai malah perkhidmatan Sada masih di takuk lama. Saya percaya wujud unsur politik dalam hal ini," katanya.

Mukhriz berkata, Sada diminta memikirkan semula kualiti perkhidmatannya sebelum bertindak membuat keputusan seperti itu, yang nyata menyusahkan rakyat.

“*Jika Kerajaan Negeri berhasrat untuk tambah pendapatan sekalipun, jangan pula bebaskan IPT kerana kewujudan IPT di kawasan itu memberi banyak kelebihan kepada negeri.*”

-Mukhriz